

KEFAHAMAN AMALAN SOLAT KALANGAN KOMUNITI ORANG ASLI JAKUN: TAHU BARU AMAL ATAU SUDAH TAHU TIDAK AMAL

Ahmad Nawawi Yaakob¹, Nurulzulaiha Suhadak^{2*}, Siti Nuur-Ila Mat Kamal³, Nurul Badriyah Ali⁴,
Mohamad Zaim Ismail⁵, Mazlynda Md Yusuf⁶

^{1, 4, 5}*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia*

^{2,3}*Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA,
Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia*

⁶*Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

*Corresponding Author

Email : nurulzulaiha@uitm.edu.my

Received: 30 July 024

Accepted: 20 September 2024

ABSTRAK

Orang Asli Jakun di Bekok menempatkan sejumlah 1,300 penduduk dengan 10 - 15 peratus adalah komuniti muslim. Walaupun mereka telah lama menerima Islam, namun penghayatan agama, khususnya ibadah solat masih tidak sempurna. Malah boleh dikatakan majoritinya tidak pernah solat walaupun asas ilmu agama telah dipelajari melalui pendidikan formal di Sekolah Kebangsaan Kampung Kudong dan aktiviti keagamaan yang dianjurkan di Surau Kampung Kudong. Matlamat kajian adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman orang Asli Jakun tentang amalan solat dan penghayatannya dalam kehidupan seharian. Kajian berbentuk data kualitatif dengan temubual mendapati responden memahami amalan asas solat seperti konsep asas solat dan bilangannya, rakaat dan rukun-rukunnya dan kepentingan solat. Sungguhpun begitu, rata-rata responden mengakui mereka tidak pernah sempurna solat lima waktu dan jika ada pun hanya sebilangan kecil sahaja. Persoalannya di sini adakah pengetahuan itu menjadi punca mereka sedar untuk solat ataukah sememangnya mereka tahu solat tetapi mereka tidak mahu solat. Ringkasnya, komuniti muslim di sini masih jauh dengan amalan fardu ain khususnya ibadah solat, dan tentunya ia memerlukan komitmen pendidik sebagai murabbi untuk membawa mereka menghayati amalan asas Islam dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Solat, Orang Asli Jakun, Fardu Ain

1.0 PENGENALAN

Pendidikan agama di kalangan Orang Asli adalah isu yang berpanjangan sejak sekian lama. Ahmad dan Yaakob (2022) menyatakan bentuk amalan tradisi masih kukuh diamalkan termasuklah di kalangan mereka yang telah beragama Islam. Menurut Don (2014), antara masalah utama golongan Orang Asal adalah berkaitan dengan persoalan akidah dan ibadah. Masih wujud kepercayaan animisme atau supernatural seperti kepercayaan kepada roh sungai dan hutan.

Orang Asli yang dikatakan tidak berminat untuk mempelajari agama Islam adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan mereka untuk memahami dengan baik agama Islam dan memenuhi tuntutan ajarannya. Mereka mengakui beragama Islam, tetapi tidak beramal pada perlakuannya. Oleh kerana majoriti Orang Asli berasal dari golongan berpendapatan rendah, mereka lebih menyukai aktiviti yang boleh meningkatkan pendapatan. Akibat daripada sikap itu, sesetengah Orang Asli tidak tahu melafazkan kalimah syahadah, tidak tahu mengerjakan solat, dan dengan mudah melanggar prinsip Islam yang telah mereka pelajari (Muhamat et al., 2012; Ismail et al., 2023)

Antara kajian mengenai pendidikan agama dan dakwah bagi masyarakat Orang Asli telah dijalankan iaitu berkaitan pendekatan dakwah guru pembimbing kelas fardu ain muallaf (Ahmad et al., 2022), amalan komunikasi dakwah semasa kelas bimbingan fardu ain Orang Asli muslim (Aini et al., 2019), aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat Orang Asli (Mohd Zain & Engku Alwi, 2017), serta kajian mengenai tahap kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli baru Islam (Don et al., 2016).

Penambahbaikan terhadap kaedah dakwah dan modul yang digunakan perlu disesuaikan dari masa ke masa mengambil kira faktor perkembangan Orang Asli seiring dengan kemajuan negara dan mengambil kira budaya dan adat resam mereka (Junoh et al., 2022). Aini et al. (2019) menyatakan tiga strategi perlu ada didalam proses komunikasi dakwah iaitu autoriti pendakwah, kredibiliti pendakwah dan aplikasi perubahan.

Justeru itu, pemeraksanaan pendidikan agama perlu ditangani lebih menyeluruh oleh semua pihak. Majlis Agama Islam Negeri Johor umpamanya telah menempatkan pegawai agama khas di beberapa penempatan Orang Asli, namun jangkauan pendidikan yang luas dan melebar memerlukan penglibatan daripada semua pihak secara berterusan.

Solat sebagai tunggak utama ibadah seorang muslim adalah perlambangan ubudiah hamba kepada Allah yang Maha Esa. Penghayatan ibadah solat di kalangan sasaran masih jauh daripada tahap kesempurnaan. Terlalu berat untuk mengatakan mereka tidak solat, tetapi itulah kenyataan pada kebanyakan penduduk Jakun Islam di kawasan kajian. Didikan dan bimbingan perlu ditingkatkan dari masa ke masa tanpa ada noktahnya.

1.1 Komuniti Asli Jakun Bekok

Orang Asli Jakun di sini mencecah 1,328 orang mendiami enam buah penempatan iaitu Kampung Tembanan, Kampung Kudong, Kampung Tamok, Kampung Kemidak, Kampung Lenek dan Kampung Selai. Semua perkampungan ini dalam jajaran laluan yang sama selain Kampung Lenek yang terpisah menghala ke Labis (Ahmad dan Yaakob, 2022).

Perkampungan berkelompok diwujudkan sejak tahun 1998 - 2000 bagi memusatkan perkampungan orang asli yang asalnya bertebaran di pinggiran gunung dan hutan Taman Negara Selai. Ia memudahkan pembangunan fizikal bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi orang asli seperti rangkaian jalan raya, rumah penginapan, sekolah, balai raya, bekalan elektrik dan air. Sekolah Kebangsaan Kampung Kudong menjadi pemacu pendidikan yang utama kepada penduduk setempat. Tadika KEMAS

Dari sudut sosial, Tok Batin adalah ketua tertinggi yang dihormati dan dipatuhi dalam menguruskan hal ehwal setempat. Selain Tok Batin, Tok Bomoh, Ketua Adat dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) mempunyai kedudukan tersendiri dalam komuniti Jakun. Kebanyakan penduduk di sini beragama pagan (kepercayaan warisan nenek moyang), hanya sebahagian kecil yang beragama Islam dan Kristian. Penduduk Islam dianggarkan seramai 150 orang mewakili 15% populasi orang asli di Bekok (temubual

Husnul Hatimah, pegawai khas orang asli Bekok, 1 Julai 2024) dengan sebuah surau kecil dibina di Kampung Kudong.

2.0 ISU KAJIAN

Pendidikan Islam merupakan aspek penting dalam pembangunan masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai keagamaan. Biar pun telah lama Islam tersebar di kalangan Orang Asli, namun tahap penghayatan beragama masih rendah. Dalam konteks masyarakat Orang Asli di Bekok, Segamat, keperluan untuk menyampaikan pendidikan agama menjadi semakin kritikal bagi pemerkasaan keimanan dan kefahaman mereka terhadap Islam.

Pada ibadah solat khususnya, tinjauan penyelidik mendapati tidak ramai yang solat lima waktu, bahkan boleh dikatakan kebanyakannya tidak solat seharian. Apabila ditanya kenapa tidak solat, rata-ratanya memberi jawapan ‘tidak faham’ dan ‘tidak yakin’ (temubual penyelidik). Malah kewujudan surau adalah sekadar bangunannya, tanpa ada yang mahu solat berjemaah. Hanya sesekali apabila majlis ilmu diadakan, surau ini dibersihkan oleh penganjur. Di sini timbul persoalan utama, adakah golongan sasaran tidak mengetahui kaedah solat, atau adakah mereka tahu tetapi tidak yakin untuk solat lalu mereka tidak menunaikan solat seharian.

Dalam kajian Ismail et.al (2023) di kalangan orang Asli Negeri Pahang mendapati pemahaman dan penguasaan solat pada kedudukan yang agak baik (60 - 89 %) menguasainya. Keberkesanan usaha dakwah oleh institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan (Ismail et.al, 2023) menghasilkan input yang bermakna. Namun begitu, keupayaan seperti ini mungkin tidak sampai dan menyeluruh kepada komuniti orang Asli di Bekok.

Jadual 1: Rumusan Penguasaan Fardu Ain Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang (Ismail et al., 2023)

Tahap Penguasaan	Menguasai						Jumlah	
	Cemerlang		Sederhana		Dengan Bimbingan		Menguasai	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Wuduk	120	48.00	57	22.80	47	18.80	224	89.60
Lafaz Niat	108	43.20	42	16.80	58	23.20	208	83.20
Takbiratul Ihram	129	51.60	32	12.80	43	17.20	204	81.60
Doa Iftitah	75	30.00	29	11.60	57	22.80	161	64.40
Al-Fatihah	131	52.40	34	13.60	35	14.00	200	80.00
Surah Pilihan	103	41.20	36	14.40	44	17.60	183	73.20
Bacaan Rukuk	103	41.20	36	14.40	49	19.60	188	75.20
Bacaan Iktidal	114	45.60	38	15.20	53	21.20	205	82.00
Bacaan Sujud	114	45.60	34	13.60	56	22.40	204	81.60
Duduk dua Sujud	94	37.60	32	12.80	49	19.60	175	70.00
Tahiyat	83	33.20	40	16.00	49	19.60	172	68.80
Salam	120	48.00	37	14.80	40	16.00	197	78.80
Qunut	60	24	29	11.6	57	22.80	146	58.40
Amali	100	40	34	13.6	67	26.8	201	80.40
Purata	104	41.54	36	14.57	50	20.11	191	76.23

Sehubungan itu, tiga objektif kajian telah dirangka bagi mengatasi isu yang dinyatakan iaitu bagi mengenalpasti tahap kefahaman konsep asas solat di kalangan komuniti Orang Asli Jakun di Bekok. Seterusnya mengenalpasti tahap penghayatan orang Asli Jakun mengenai tatacara solat yang betul serta mencari pendekatan alternatif yang relevan dalam pendidikan solat kepada orang Asli Jakun di Bekok.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif. Data berbentuk kualitatif ini diperolehi melalui kajian lapangan. Sesi temubual telah melibatkan 18 orang penduduk muslim orang Asli Kampung Kudong, Bekok sebagai responden.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Beberapa siri pendidikan solat telah diadakan oleh pihak UiTM Cawangan Johor, diantaranya seperti berikut;

- Kem Bestari Solat (Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) 28 September 2022.
- Program SANTUNMali, SIG Orang Asli FSKM, 23 Disember 2022;
- Program Kem Solat, Team CE-SIR, 18 Ogos 2023
- Program Transfer Knowledge di SK Kudong, 24 September 2023
- Program Kem Solat siri 2, Team CE-SIR, 26 Februari 2024
- Program Kem Solat siri 3, Team CE-SIR dan hadiah telekung, 31 Mac 2024

Penglibatan bersama komuniti setempat memberi input bermakna kepada penyelidik, khususnya dalam amalan solat. Hasil temubual mendapati mereka memahami kewajipan solat; pada kadar 10 orang yang sangat faham, lima orang sederhana fahamnya dan tiga orang yang masih kabur, tidak jelas.

4.1 Kaedah Solat

Mengenai kewajipan solat lima waktu, 13 individu memahami kewajipan solat lima waktu, tiga orang yang tidak pasti dan dua orang lagi tidak tahu kefarduan solat lima waktu. Menurut Zam Oriza bin Atan @ Awil (32, temubual 26 Februari 2024) beliau melazimi solat lima waktu setelah mengikuti aktiviti tabligh di Sabah selama sebulan. Beliau juga dipilih oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) berkursus selama sebulan di Kuala Kubu Baru bagi mendalami ilmu Islam.

Selanjutnya mengenai bilangan rakaat solat, lapan orang responden tahu dengan tepat bilangan rakaat solat, lima orang yang tidak tepat, dan empat orang lain tidak tahu bilangan rakaat solat. Roslan Johar (23, temubual 26 Februari 2024) memahami kaedah solat setelah menyertai jemaah tabligh bersama rakannya, Zam Oriza di Sabah. Jika sebelumnya Sdr Roslan tidak pernah memahami kaedah solat dan tidak pernah solat.

Mengenai perbezaan kaedah solat pada waktu siang (Zohor dan Asar) dan solat malam (Maghrib, Isyak dan Subuh) temubual mendapati sepuluh orang memahami perbezaan kaedah solat malam dan siang, sedangkan lapan yang lain teragak-agak menjawab perbezaan solat malam dan siang.

4.2 Bilangan Rakaat Solat

Selanjutnya 12 orang menyatakan tahu dan faham kenapa Islam mewajibkan solat sebagai satu kefarduan dan lapan orang lain yang tidak dapat menjawab dengan tuntas kenapa diwajibkan solat. Menurut Puan Idariah (26, temubual 26 Februari 2024) beliau tidak pernah solat walaupun telah lama menganut Islam kerana beranggapan solat itu untuk mereka yang 'baik-baik' sahaja. Solat adalah hitungan pertama yang dinilai di akhirat kelak. Dalam kes ini, seramai sebelas orang mengetahui solat adalah hitungan Allah yang pertama sedangkan sebahagian lain tidak mengetahui dengan pasti. Menurut seorang responden

yang ditemubual, Puan Tinggal binti Matan @ Amai (45 tahun, 21 September 2023) beliau tidak pernah solat kerana tidak yakin dengan apa yang dipelajarinya. Dia hanya akan solat apabila diadakan majlis tertentu di surau.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa pengetahuan serta kefahaman solat di kalangan komuniti Orang Asli Jakun amat masih lagi rendah. Walaupun terdapat di kalangan mereka mempunyai pengetahuan tentang solat serta kefahaman terhadap tata cara kaedah solat kesedaran namun begitu ibadah Fardhu' Ain ini tidak dilaksanakan. Dalam hal ini, dicadangkan agar pengajaran solat menggunakan pendekatan digital menjadi satu alternatif bagi memenuhi keperluan semasa.

Komuniti orang Asli Jakun di Bekok telah terdedah dengan dunia maya setanding dengan penduduk di perkampungan lain. Kemudahan internet yang dibekalkan kerajaan memudahkan penduduk mencapai maklumat dari pelbagai pihak. Dalam konteks ini, penyelidik menyediakan video pengajaran solat dalam bahasa Jakun yang julung kali seumpamanya di dunia. Tiga video klip panduan solat dihasilkan yang menekankan aspek berikut;

1. Kepentingan solat <https://fb.watch/tlJwMhZrg/>
2. Kaedah wuduk <https://fb.watch/tlGf5TAJB/>
3. Kaedah solat <https://fb.watch/tlIANUqiHg/>

Video klip ini digunakan semasa sesi pembelajaran yang dilangsungkan pada 18 Ogos 2023 dan 26 Februari 2024 pada sasaran yang sama. Ia disebar luas melalui medium Facebook dan Youtube yang boleh digunakan oleh golongan sasaran. Beberapa maklum balas menunjukkan sasaran boleh mengikuti klip video ini dan boleh melaksanakan ibadah solat. Puan Tinggal binti Matan @ Amai (temubual 20 April 2024) mengakui video itu membantu dirinya untuk solat.

Bahan ini juga digunakan dalam sesi pengajaran di SK Kampung Kudong dan mendapat respon positif di kalangan murid yang terlibat. Ustazah Nurul Amalina (temubual 7 Julai 2024) memuji pendekatan ringkas solat dan ia berjaya menarik minat murid sekolah kerana menggunakan bahasa perbualan harian mereka. <https://fb.watch/tllu2pSshv/>

Pendekatan alternatif yang diusahakan ini adalah penting untuk memperkukuhkan kefahaman agama dan pemeraksanaan masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Melalui usaha berterusan dalam penyampaian pendidikan agama yang berkesan, diharapkan komuniti Orang Asli di Bekok, Segamat dapat terus berkembang dalam aspek keagamaan dan kehidupan harian mereka.

6.0 KAJIAN LANJUTAN

Penambahbaikan terhadap kaedah dakwah dan modul yang digunakan perlu disesuaikan dari masa ke masa mengambil kira faktor perkembangan Orang Asli seiring dengan kemajuan negara dan mengambil kira budaya dan adat resam mereka (Junoh et al., 2022)

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA kerana kajian ini dibiayai dibawah Geran CE-SIR: 100-CAN (ICAN/CNC.37/2/1).

RUJUKAN

- Ahmad, S.N. & Yaakob, A.N. (2022). *Orang asli Jakun Johor*. Johor: Penerbit UTHM.
- Ahmad, R. et al. (2022). Implementation of Da'wah by Teachers Teaching Basic Islamic Knowledge to Converts (KFAM) in Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 8 (1), 1-9
- Aini, Z. et al. (2019). Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah dalam Penyampaian Mesej Islam kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Journal of Islamic Contemporary*, 4 (1), 12-26
- Aini, Z. et al. (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (17), 34-47
- Don, et al. (2016). The Level of Understanding and Appreciation of Islam Among Orang Asli New Muslims in Selangor State, Malaysia, and Its Relationship With Social Well-Being. *International Journal of Humanities, Arts and Social Sciences*, 2(6), 215-220.
- Don, A.G. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail et al. (2023). Tahap Penguasaan Asas Fardu Ain Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. *Al-Hikmah*, 15(2), 55-70.
- Mohd Zain, J. & Engku Alwi, E. A. Z (2017). Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabarannya. *Prosiding Bicara Dakwah Kali ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor*, 130-140.
- Muhamat et al. (2012). Dakwah Kepada Golongan Muallaf Orang Asli di Kelantan. *Al-Hikmah*, 4, 87-105.